

Beramamal melalui hamper

NKF cari dana untuk bantu ringan beban pesakit buah pinggang

HAMPER
tema
musim
perayaan.

Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@mediaprima.com.my

Siapa yang tidak suka menerima hamper? Untuk apa jua sambutan atau majlis, hamper pasti jadi pilihan sebagai tanda pemberian dan ingatan daripada kenalan.

Sebut apa saja perayaan, hamper muncul di pasaran dan sambutan Krismas kali ini tidak terkecuali dengan jualan hamper daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) bagi meraih dana untuk pesakitnya.

Disertakan dalam bakul berhias cantik, pakej hamper NKF – ini antara inisiatif mengumpul dana bagi menyokong rawatan pesakit buah pinggang yang tidak berkemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee berkata, hasil jualan hamper ini diharapkan dapat meringankan

bebanan pesakit, sekali gus menghadirkan keceriaan pada mereka sepanjang musim perayaan ini.

“Derma yang diterima hasil daripada jualan hamper ini akan disalurkan kepada pesakit yang berada di tahap akhir. Kami berusaha memberikan sokongan dan bantuan bagi meringankan bebanan mereka dan diharapkan lebih ramai tampil membantu pesakit ini,” katanya.

NKF kini mengendalikan lebih 1,550 pesakit buah pinggang di 28 pusat dialisis seluruh negara.

Tanpa kompromi dari segi kualitinya walaupun hadir dalam pelbagai saiz dan harga, hamper ini disediakan dengan tema musim perayaan yang terbahagi kepada tiga jenis.

Jenis A hadir dengan biskut Pandan Sable, badam, pai, minuman kordial, pilihan rempah dan minuman sparkling pada harga RM150.

Jenis B pula menggabungkan biskut Pandan Sable, biskut cip coklat, badam, jem, pai,

jeruk pir, minuman kordial pandan, pilihan rempah dan minuman sparkling dengan harga RM250.

Jenis C yang dipasarkan pada nilai RM350 mengandungi biskut Pandan Sable, biskut cip coklat, badam, jem, variasi kekacang, pai, minuman kordial pandan, kek buah-buahan sugee, pilihan rempah dan minuman sparkling.

Disediakan oleh jenama kek popular, Just Heavenly, semua biskut dan kek dihasilkan dengan kandungan gula rendah yang baik untuk kesihatan.

Berminat untuk mendapatkannya boleh layari laman sesawang NKF, www.nkf.org.my, atau hubungi menerusi e-mel di fundraising@nkf.org.my. Boleh juga hubungi 03-79549048 sambungan 208 atau 017-3755998.



HAMPER
dihias
cantik.